

# Malaysia akan buat enjin kereta

2-2 MAR 1994

KUALA LUMPUR, Isnin — Malaysia akan meneroka bidang pembuatan enjin kereta untuk meningkatkan industri automobil bagi membolehkan negara ini bersaing dengan negara maju selaras usaha menuju era perindustrian.

Membayangkan hasrat Malaysia itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata: "Hanya setelah kita mampu merekabentuk enjin kereta sendiri dan sekaligus menghasilkannya, barulah kita boleh dianggap mencapai kemajuan dalam bidang

pembuatan kereta."

Menurutnya, pembuatan enjin kenderaan dan sistem gear adalah paling rumit dan perlu diterokai.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas melancarkan buku *Pembuatan Kereta Nasional: Bukan Hanya Impian* di sini, hari ini.

Buku setebal 128 halaman itu ditulis Setiausaha Bersama Lembaga Pengarah Proton Bhd dan Hicom Bhd, Datuk Tharu T Tharumagnanam.

Ditanya sama ada Malaysia sudah bersedia membuat enjin kereta sendiri, Dr Mahathir ber-

kata: "Kita tidak boleh menentukan sama ada kita bersedia atau tidak sehingga mencubanya, selepas itu barulah kita mengetahui sejauh mana kita tahu dan tidak tahu."

Menurutnya, tidak ada tarikh ditetapkan untuk menghasilkan enjin sendiri.

Dalam industri pembuatan kereta sekarang, Malaysia mengimport enjin kereta sebelum dipasang sepenuhnya di negara ini.

Perdana Menteri berkata, negara tidak boleh berdiam diri dan 'melangkah perlahan-lahan' kera-

na jika hanya mengikut perubahan, ia tidak mencapai sebarang kemajuan malah akan terus ketinggalan daripada orang lain.

Menurutnya, Malaysia perlu bersaing dengan Jepun yang mencapai kemajuan dalam industri automobil dengan menerokai bidang baru serta mempelajari segala kepakaran.

"Cara terbaik bersaing dengan negara lain ialah melangkah dengan cepat daripada mereka. Ini satu perkara lojik," katanya.

Dr Mahathir berkata, negara tidak boleh mengi-

LIHAT MUKA 2

# Malaysia buat enjin kereta

2-2 MAR 1994

DARI MUKA 1

kut falsafah Jepun yang mahu mencapai kemajuan 'selangkah demi selangkah secara berhati-hati' kerana negara itu sudah mencapai kemajuan lebih jauh ke hadapan.

Katanya, bagi Malaysia falsafah sedemikian 'terlalu perlahan' dan tidak boleh dicontohi.

Sehubungan dengan itu, katanya, negara perlu mendapatkan teknologi dari mana-mana negara, sama ada Jepun, rakan usahasama atau negara lain, dengan melipatgandakan usaha.

Menurutnya, sehingga kini banyak kalangan dari Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun yang berminat bekerjasama dengan Malaysia dalam penerokaan industri automobil lebih canggih.

Ditanya kemungkinan Malaysia menghasilkan enjin kereta nasional bukan daripada Mitsubsihi, Dr Mahathir berkata, sehingga ini belum ada sebarang keputusan menengainya dibuat.

Mengenai royalti yang terpaksa dibayar oleh Proton kepada Mitsubishi untuk kereta itu dan beberapa komponen yang menyumbangkan kepada kos pembuatan kereta itu, beliau berkata: "Kita boleh mengurangkan harga (kereta Proton) jika kita tidak perlu membayar royalti itu."

"Kita dikenakan bayaran bila kita tidak tahu membuatnya sendiri. Kita perlu membeli barang-barang itu dan dengan itu harga kereta turut naik."

Terdahulu dalam uca-

pannya, Perdana Menteri berkata, kejayaan kereta nasional adalah bukti kemampuan Malaysia dalam industri automobil yang dulunya dimulakan dengan langkah kecil saja.

Katanya, langkah itu kini dikembangkan pula dengan penerokaan dalam industri pembuatan pesawat, bermula dengan pembuatan pesawat kecil dua tempat duduk.

"Kebanyakan negara maju dulupun memulakan industri pembuatan pesawat mereka dengan pembinaan kapal terbang satu tempat duduk, tetapi kini pesawat buatan mereka boleh menampung lebih 500 orang," katanya.

Sehubungan dengan itu, katanya, negara akan terus mengikuti perkembangan itu serta berusaha bergerak seiringan.

Perdana Menteri berkata, Malaysia berazam menjadi pusat pembuatan serantau kerana potensinya memang ada. Langkah itu bertujuan menjamin negara tidak ketinggalan dalam arus pemodenan.

Dr Mahathir selanjutnya memuji usaha menerbitkan buku itu yang disifatkannya bermanfaat dalam usaha negara menerokai bidang yang berteknologi tinggi.

Tharu dalam ucapannya pula berkata, hasil jualan buku itu akan disumbangkannya sebagai biasiswa kepada pelajar tempatan melanjutkan pengajian dalam bidang kejuruteraan automobil dan teknologi di Universiti Teknologi Malaysia.